

# GARIS PANDUAN PENGURUSAN LIF ELEKTRIK PENUMPANG

---

## 1.0 TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bertujuan untuk memberi panduan kepada pengurusan Universiti diperingkat induk atau Pusat Tanggungjawab (PTJ) berkenaan pengurusan lif elektrik penumpang di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 2.0 SKOP

Garis panduan ini digunakan bagi semua pihak yang terlibat dalam penggunaan dan penyelenggaraan lif elektrik penumpang di Pusat Tanggungjawab (PTJ), Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.

## 3.0 RUJUKAN

- 3.1 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHA) 1994.
- 3.2 Akta Kilang dan Jentera (FMA) 1967.
- 3.3 Peraturan - Peraturan (Lif Elektrik Penumpang - Penumpang dan Barang - Barang) Kilang dan Jentera 1970.
- 3.4 Peraturan - Peraturan (Pemberitahu, Perakuan Kelayakan dan Pemeriksaan) Kilang dan Jentera 1970.

## 4.0 DEFINASI / SINGKATAN

UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
PTj	Pusat Tanggungjawab.
Pejabat OSHE	Pejabat Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan
PPP	Pejabat Pembangunan dan Penyelenggaraan.
JKKP	Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
OYK	Orang Yang Kompeten (Competent Person, CP) seperti yang dinyatakan menurut peraturan 6, peraturan 30 dan peraturan 31, Peraturan - Peraturan (Lif Penumpang dan Barang) Kilang dan Jentera, 1970.
OYB	Orang Yang Bertanggungjawab ialah orang yang bekerja dengan FYK di bawah OYK bagi membuat kerja-kerja Pemasangan, Penyelenggaraan dan Perombakan (EMD) Mesin Angkat menurut Seksyen 29A, Akta Kilang dan Jentera 1967.

FYK	Firma Yang Kompeten (berdaftar dengan JKPP yang mempunyai sekurang-kurangnya 1 OYK dan 1 OYB).
Notis Larangan Penggunaan	Notis yang dikeluarkan kepada pemilik Lif Elektrik Penumpang oleh Pejabat OSHE atau oleh Pegawai JKPP berdasarkan pemakluman oleh OYK bagi maksud melarang penggunaan Lif Elektrik Penumpang yang mungkin akan menyebabkan bahaya serta-merta kepada pengguna.

## 5.0 KESELAMATAN UMUM LIF ELEKTRIK PENUMPANG

- 5.1 Semua Lif Elektrik Penumpang yang dipasangkan di mana-mana bangunan di UTHM perlu didaftarkan dengan DOSH dan memiliki Sijil Kelayakan Jentera (CF) yang sah.
- 5.2 Sijil Kelayakan Jentera (CF) hendaklah dipamerkan dalam lif (*lift car*) atau di lobi lif sesebuah bangunan.
- 5.3 Sijil Kelayakan Jentera (CF) hendaklah diperbaharui setiap 15 bulan.
- 5.4 Permohonan pembaharuan Sijil Kelayakan Jentera (CF) akan diuruskan oleh Bahagian OSHE dengan kerjasama PPP.
- 5.5 Pejabat OSHE berhak mengeluarkan Notis Larangan Penggunaan bagi mana-mana Lif Elektrik Penumpang yang tidak mematuhi keperluan pengoperasian yang telah ditetapkan.
- 5.6 Arahan Ketika Kecemasan Di Dalam Lif Elektrik Penumpang (**Lampiran 1**) hendaklah dipamerkan di dalam lif (*lift car*).

## 6.0 PEMERIKSAAN DAN PENYELENGGARAAN (OLEH PPP MELALUI LANTIKAN FYK BERDAFTAR SECARA KONTRAK)

- 6.1 Lif Elektrik Penumpang hendaklah diselenggara setiap bulan oleh FYK.
- 6.2 Setiap Lif Elektrik Penumpang hendaklah mempunyai Buku Log Penyelenggaraan Jentera yang dikemaskini dan disimpan dengan baik oleh PPP.
- 6.3 Maklumat berkaitan pemasangan, pengujian, penyelenggaraan dan pembaikan Lif Elektrik Penumpang perlu direkod di dalam Buku Log Penyelenggaraan Jentera. Disimpan oleh PPP.
- 6.4 Kerja-kerja Penyelenggaraan yang dilakukan oleh FYK setiap bulan hendaklah dipantau oleh PPP dan disahkan oleh OYK
- 6.5 Setiap Lif Elektrik Penumpang juga hendaklah mempunyai Buku Log Pemeriksaan Jentera yang dikemaskini dan disimpan dengan baik oleh PPP.

- 6.6 OYK bertanggungjawab melakukan pemeriksaan penuh ke atas Lif Elektrik Penumpang setiap 3 bulan sekali dan direkodkan di dalam Buku Log Pemeriksaan Jentera yang disimpan oleh PPP.
- 6.7 JKPP/OSHE berhak mengeluarkan Notis Larangan Penggunaan bagi mana-mana Lif Elektrik Penumpang yang tidak mematuhi keperluan pengoperasian yang telah ditetapkan.
- 6.8 PPP hendaklah membuat permohonan pemeriksaan ulangan jentera melalui Pejabat OSHE selewat-lewatnya 3 bulan sebelum sijil perakuan kelayakan tamat tempoh
- 6.9 PPP perlu memastikan Lif Elektrik Penumpang telah diselenggara sebelum tarikh pemeriksaan ulangan oleh JKPP dilakukan.
- 6.10 PPP perlu memastikan OYK dan OYB hadir bersama ketika pemeriksaan ulangan Lif Elektrik Penumpang oleh JKPP.
- 6.11 Maklumat berkaitan pemeriksaan jentera oleh OYK, OYB dan Pegawai JKPP hendaklah direkodkan di dalam Buku Log Pemeriksaan Jentera yang disimpan oleh PPP.
- 6.12 PPP, OYB dan OYK hendaklah melaksanakan tindakan pembetulan atau penambahbaikan berdasarkan komen oleh pegawai JKPP yang terdapat di dalam Buku Log JKPP.
- 6.13 PPP hendaklah mempamerkan sijil perakuan kelayakan di dalam lif berkenaan.

**Lampiran 1****ARAHAN KETIKA KECEMASAN DI DALAM LIF ELEKTRIK PENUMPANG****1. Tindakan Yang Perlu Dilakukan Oleh Mereka Yang Terperangkap Dalam Lif**

- a. Bertenang dan jangan panik.
- b. Sila tekan butang kecemasan berulang - ulang kali untuk menarik perhatian orang diluar/ruang legar atau pasukan penyelamat.
- c. Jika anda mempunyai telefon bimbit, sila hubungi talian terus OYK yang dipaparkan di dalam lift berkenaan.
- d. Elakkan membuka pintu lif dengan paksaan kerana akan menyebabkan kerosakan pada *car locking device*.
- e. Tunggu sehingga bantuan tiba.

**2. Tindakan Oleh Mereka Yang Mengetahui adanya Orang Terperangkap di dalam Lif.**

- a. Hubungi unit talian aduan kerosakkan PPP.
- b. Elakkan membuka pintu lif dengan paksaan kerana akan menyebabkan kerosakan pada *car locking device*.
- c. Tunggu sehingga bantuan tiba.

**3. Tindakan Yang Perlu Dilakukan Oleh PPP**

- a. Hubungi terus OYK.
- b. Hubungi Jabatan Bomba sekiranya situasi berikut berlaku: -
  - i. OYK dari syarikat penyelenggaraan lif tidak dapat dihubungi.
  - ii. OYK dari syarikat penyelenggaraan lif tidak tiba selepas 45 minit dihubungi.
  - iii. Mangsa berada dalam keadaan kritikal yang memerlukan tindakan segera.

**4. Nombor Panggilan Kecemasan:**

OYK MITSUBISHI	012-7144722 (En Nazri)
OYK SIGMA EVELATOR	019-3756275 (En Azam)
OYK CHINA SCHINDLER EVELATOR	019-3205248
PPP	07-4533333
KESELAMATAN UTHM	07-4533435